

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID  
(PADANG TERAP)**

**TARIKH** : **OKTOBER – DISEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah cadangan perkhidmatan GOJEK bersesuaian untuk dilaksanakan di dalam negara ini memandangkan perkhidmatan e-hailing sedia ada sudah bersesuaian dan bertepatan untuk dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 1 November 2019 telah bersetuju supaya syarikat perniagaan pengantaraan yang akan menyediakan perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barangan menggunakan motosikal (*bike-hailing*) dikawal selia melalui kaedah/peraturan pelesenan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan [Akta 334] dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715].
2. Perkhidmatan *bike-hailing* ini akan dikenakan syarat-syarat yang setara seperti mana telah ditetapkan ke atas perkhidmatan *e-hailing* (iaitu merangkumi syarat-syarat ke atas syarikat perniagaan pengantaraan, pemandu, pengoperasian perkhidmatan dan kenderaan).
3. Tujuan utama Kerajaan membenarkan perkhidmatan *bike-hailing* ini adalah sebagai satu kaedah untuk meningkatkan tahap liputan

perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini. Perkhidmatan *bike-hailing* ini akan menjadi salah satu komponen penting dalam usaha Kerajaan menyediakann satu sistem pengangkutan awam yang menyeluruh kerana ianya akan menjadi satu perkhidmatan penghubung dalam fasa *first and last mile connectivity*.

4. Sebagai mana umum sedia maklum, fasa ini adalah amat penting untuk menarik minat orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam bagi melengkapkan aktiviti harian mereka. Jika kemudahan pengangkutan awam dalam fasa *first and last mile connectivity* adalah baik, maka ianya akan mendorong orang ramai untuk beralih daripada mod pengangkutan persendirian kepada mod pengangkutan awam. Jika tiada perkhidmatan yang berkesan disediakan dalam fasa ini, maka orang ramai akan terus memilih menggunakan pengangkutan mod sendiri seperti kereta dan sebagainya.

5. Bagi mengawal selia perkhidmatan ini, Kementerian Pengangkutan pada masa ini sedang dalam proses membangunkan rangka perundangan dan syarat-syarat perkhidmatan *bike-hailing* (iaitu satu aktiviti yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam dan barangan menggunakan motosikal).

6. Memandangkan proses pindaan undang-undang akan mengambil masa kerana termasuk memerlukan pembentangan dan kelulusan di Parlimen, Kerajaan telah bersetuju supaya syarikat perniagaan pengantaraan yang berminat menyediakan perkhidmatan *bike-hailing* ini dibenarkan melaksanakan proses rintis atau Proof of Concept (POC).

7. Di sepanjang tempoh POC ini, pihak syarikat perniagaan pengantaraan boleh membuat persiapan dan pengujian pelaksanaan perkhidmatan *bike-hailing*. POC ini juga akan turut membolehkan pihak Kerajaan dan syarikat perniagaan pengantaraan untuk mengumpul data, menilai tahap permintaan, menilai tahap penerimaan dan lain-lain keperluan operasi berhubung perkhidmatan *bike-hailing* ini.

8. POC ini akan bermula mulai Januari 2020. Tempoh POC pula akan ditetapkan selama enam bulan.

**NO. SOALAN : 205**

9. Pada masa ini Kementerian bersama agensi seperti APAD dan JPJ sedang memperincikan semua peraturan dan tatacara serta semua persiapan di peringkat pentadbiran berkaitan pelaksanaan POC ini.

Sekian, terima kasih.